



# SEKTOR PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM (PEMBERSIHAN AWAM) (PKP)

Dikemas kini pada 22 Jun 2021

## Merangkumi

- Perkhidmatan pembersihan awam yang dilaksanakan melalui Syarikat Konsesi dan dikawal selia oleh SWCorp di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672.
- Perkhidmatan pembersihan awam di negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 dan di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan (PBT).
- Perkhidmatan pembersihan awam merangkumi:
  - pembersihan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam;
  - pembersihan pusat penjaja termasuk pasar kecuai yang dipunyai dan disenggarakan secara persendirian;
  - pembersihan sampah haram;
  - pembersihan pantai;
  - pemotongan rumput di tepi bebendul jalan awam;
  - pemotongan rumput di tempat awam; dan
  - pengalihan bangkai.
- Tidak termasuk perkhidmatan penyenggaraan dalam bangunan dan dalam fasiliti.

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Mematuhi SOP KKM, MKN, KPKT, KKR dan KBS.

<b>Waktu Beroperasi</b>	7.00 pagi – 7.00 malam (lebih masa dibenarkan dengan kelulusan)	<b>Waktu Kehadiran Pelanggan</b>	Tidak Berkenaan	<b>Kapasiti Pekerja</b>	100% (bilangan pekerja diminimumkan mengikut keperluan sebenar di lapangan)
-------------------------	---	----------------------------------	-----------------	-------------------------	---

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE)	Mewajibkan pemakaian pelitup muka ( <i>face mask</i> ), but dan sarung tangan ( <i>glove</i> ) kepada pekerja.
Penyediaan QR Code bagi pendaftaran	Majikan wajib menyediakan QR Code dan buku pendaftaran di kawasan yang tidak mempunyai capaian internet, yang mengandungi nama, nombor telefon, tarikh dan masa tiba di premis (bacaan suhu tidak perlu direkodkan).
Pendaftaran menggunakan aplikasi MySejahtera dan / atau QR Code	Pekerja diwajibkan mengimbas QR Code melalui aplikasi MySejahtera atau merekodkan nama, nombor telefon, tarikh dan masa tiba di premis dalam buku pendaftaran sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).
Pemeriksaan suhu badan pekerja dan saringan gejala	Memeriksa suhu badan pekerja dan melakukan saringan gejala pada waktu mula bekerja. Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celsius dan/atau mempunyai gejala seperti sakit tekak, batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas.
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter setiap masa semasa bertugas.
Peralatan pembersihan awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menyentuh sebarang sisa dengan tangan; dan</li> <li>Menggunakan peralatan yang bersesuaian sekiranya perlu memindahkan sisa pembersihan awam.</li> </ul>



# SEKTOR PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM (PEMBERSIHAN AWAM) (PKP)

Dikemas kini pada 22 Jun 2021

## Merangkumi

- Perkhidmatan pembersihan awam yang dilaksanakan melalui Syarikat Konsesi dan dikawal selia oleh SWCorp di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672.
- Perkhidmatan pembersihan awam di negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 dan di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan (PBT).
- Perkhidmatan pembersihan awam merangkumi:
  - pembersihan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam;
  - pembersihan pusat penjaja termasuk pasar kecuai yang dipunyai dan disenggarakan secara persendirian;
  - pembersihan sampah haram;
  - pembersihan pantai;
  - pemotongan rumput di tepi bebendul jalan awam;
  - pemotongan rumput di tempat awam; dan
  - pengalihan bangkai.
- Tidak termasuk perkhidmatan penyenggaraan dalam bangunan dan dalam fasiliti.

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Mematuhi SOP KKM, MKN, KPKT, KKR dan KBS.

<b>Waktu Beroperasi</b>	<b>7.00 pagi – 7.00 malam (lebih masa dibenarkan dengan kelulusan)</b>	<b>Waktu Kehadiran Pelanggan</b>	<b>Tidak Berkenaan</b>	<b>Kapasiti Pekerja</b>	<b>100%</b> (bilangan pekerja diminimumkan mengikut keperluan sebenar di lapangan)
-------------------------	--	----------------------------------	------------------------	-------------------------	--

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

<b>Tindakan</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Pembersihan sendiri, peralatan dan kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pelitup muka dan sarung tangan pakai buang dibuang mengikut kaedah yang ditetapkan. PPE bukan pakai buang perlu dibersihkan dan didisinfeksi;</li> <li>Pekerja dan pemandu perlu membersihkan tangan dan diri selepas operasi selesai dijalankan menggunakan <i>sanitizer</i> atau sabun mengikut kesesuaian;</li> <li>Membasuh kenderaan dengan bahan detergen yang sesuai selepas selesai operasi; dan</li> <li>Melakukan disinfeksi pada bahagian dalam kenderaan yang menempatkan pemandu dan pekerja, permukaan panel kawalan jentera atau kenderaan serta semua peralatan yang telah digunakan.</li> </ul>